

USIM teraju penubuhan I-IQRA

SEREMBAN 26 Mac - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) menjadi peneraju terhadap penubuhan Konsortium Pengajian Tinggi Institusi Islam, Kualiti Akademik dan Kemajuan Penyelidikan (I-IQRA) yang diamanahkan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Beberapa siri perbincangan telah dijalankan antara USIM bersama institusi pengajian tinggi (IPT) lain di negara ini dalam usaha memperkembangkan lagi kertas konsep dan

pelan tindakan penubuhan I-IQRA.

Antara institusi yang terlibat termasuk Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Malaya (UM), Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail berkata, konsortium berkenaan diyakini berupaya untuk

membentuk sinergi dalam kalangan ahlinya ke arah memacu kemajuan pelbagai bidang berteraskan Islam.

"Menerusi konsortium ini kita ingin menerbitkan jurnal ilmiah, membida geran penyelidikan di peringkat antarabangsa selain memfokuskan pada penjenamaan produk berteraskan Islam.

"Ini termasuk pengamalan falsafah halal dalam pembuatan makanan, vaksin dan ubat-ubatan, malah kita

juga akan membantu Malaysia untuk terus memperkasakan bidang perbankan dan kewangan Islam," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Jelas Asma, penubuhan I-IQRA juga bertujuan menjadi medium yang dapat mewujudkan kerjasama erat dan percambahan idea di antara IPT yang menawarkan program akademik dalam pengajian Islam.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi, Prof. Datuk Dr.

Rujhan Mustafa menjelaskan, pembentukan konsortium itu secara tidak langsung membantu Kementerian Pengajian Tinggi untuk mewujudkan direktori kepakaran ahli akademik dalam pelbagai disiplin ilmu yang berasaskan pengajian Islam.

"Keperluan itu amat tinggi, jadi segala cadangan dalam kertas konsep ini akan diberi pertimbangan yang serius untuk kita tubuhkan dalam masa terdekat," katanya.